

**Pakar diperlukan untuk padam sistem Boeing 777, lapor media
Malaysian Insider
15 Mac, 2014**

Bagi membolehkan sistem komunikasi MH370 dimatikan secara manual, jika itu adalah kesnya, ia akan memerlukan pengetahuan terperinci tentang mekanisma dalaman untuk penerbangan jarak jauh Boeing 777 ini, lapor Wall Street Journal, hari ini.

Kehilangan pertama transponder pesawat, yang memberitahu kedudukannya, kelajuan dan tanda panggilan untuk radar kawalan trafik udara, memerlukan pemutusan litar yang terletak di atas dan di belakang panel depan kapal terbang, lapor akhbar itu.

Mengakses pemutus litar biasanya dikhaskan untuk kakitangan penyelenggaraan, dan jarang dilakukan oleh juruterbang.

Dalam usaha untuk melumpuhkan kedua-dua transponder pada 777, menarik satu pemutus litar tertentu cukup untuk menyelesaikan kerja itu, kata WSJ selepas mengkaji dokumen dan bercakap dengan pegawai-pegawai industri penerbangan yang biasa bekerja dengan model itu.

Pakar berkata, untuk membiasakan diri dengan sistem dalam 777, juruterbang dan mekanik akan memerlukan banyak latihan, walaupun banyak data teknikal kepada jenis kapal terbang boleh diakses dalam talian melalui kumpulan perbincangan dan laman web.

Laporan itu berkata, penutupan sistem laporan di atas kapal terbang selepas kali terakhir ia dilihat pada radar boleh dilakukan dengan siri ketukan kekunci pada salah satu daripada dua komputer pengurusan penerbangan kokpit, di mana komputer digunakan untuk menetapkan prestasi enjin apabila berlepas, merancang laluan dan fungsi lain untuk membimbing pesawat.

Penyiasat sedang mengkaji ada atau tidak 'sesuatu bencana berlaku atau seseorang mematikan' sistem komunikasi satelit, kata WSJ memetik kenyataan seorang daripada dua orang yang biasa dengan kedudukan terakhir pesawat ini.

Profesional penerbangan berkata, untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan bagi melumpuhkan sistem, ia memerlukan pemahaman terperinci mekanisme dalaman yang digunakan pesawat itu.

Katanya, beberapa syarikat penerbangan menggunakan skru khas untuk memasuki kawasan di bawah lantai pesawat bagi mencegah pencerobohan yang tidak dibenarkan.

Dilaporkan, sistem komunikasi automatik penerbangan itu masih utuh sehingga lima jam, kerana ping daripada sistem diterima selepas transponder terakhir dipancarkan isyarat.

Pada mulanya, sumber asal ping daripada MH370 seolah-olah luar biasa kepada penyiasat, memandangkan pesawat itu dipercayai terhempas di luar pantai Vietnam, yang beratus-ratus batu dari lokasi ping terakhir.

Laporan WSJ menyatakan, sehingga beberapa tahun lalu, sistem komunikasi satelit yang digunakan oleh pesawat tidak termasuk data tentang lokasi ping pesawat, di mana elektronik digunakan untuk mewujudkan hubungan awal.

Apabila Air France penerbangan 447 merempuh lautan Atlantik pada 2009, pesawat itu menghantar beberapa data diagnostik menunjukkan masalah dengan pelbagai isyarat di atas kapal, termasuk penyahaktifan autopilot, menyebabkan kedudukan pesawat tidak dihantar melalui data.

Dalam kes MH370, lokasi tepat disediakan, tetapi ia masih tidak jelas mengapa penghantaran itu terhenti dan di mana pesawat itu mungkin berakhir selepas ping akhir, lapor WSJ. – 15 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakar-diperlukan-untuk-padam-sistem-boeing-777-lapor-media>